

Hukum lelaki pakai pakaian ketat, jarang

Lelaki yang memakai pakaian ketat dan jarang adalah makruh hukumnya, namun jika ternampak aurat, ia merupakan perbuatan terlarang di sisi Islam.



Bersama DR. AHMAD IRDHA MOKHTAR
rencana@kosmo.com.my

S OALAN: Setiap Muslim diwajibkan menutup aurat dengan sempurna, sama ada lelaki atau perempuan. Perempuan dilarang memakai pakaian yang ketat dan jarang. Bagaimana pula dengan lelaki? Adakah mereka juga tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat dan jarang?

JAWAPAN:

Islam mewajibkan umatnya sama ada lelaki atau perempuan supaya menutup aurat. Berdasarkan firman Allah SWT: *"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhiaskan pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan solat), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas."* (Surah al-A'raf:31)

Pensyariaan ini bukan sahaja bermatlamat untuk menjaga diri manusia daripada panas dan sejuk bahkan, untuk menjaga kemuliaan manusia, mengangkat mereka dan membezakan antara manusia dengan binatang.

Memandangkan bentuk fizikal perempuan berbeza daripada lelaki, Islam meletakkan garisan menutup aurat yang begitu ketat berbanding pemakaian lelaki.

Perempuan perlu mengenakan tudung kepala, tetapi tidak pula bagi lelaki. Perempuan perlu menutup keseluruhan anggotanya melainkan wajah muka dan kedua-dua tapak tangan.

Bukan sekadar menutup anggota wanita keseluruhannya sahaja, bahkan memakai pakaian ketat dan jarang adalah salah satu kesalahan yang besar di sisi agama Islam.

Perkara ini berlandaskan hadis Rasulullah: Daripada Usamah bin Zaid berkata, "Rasulullah SAW telah memberikan kepadaku baju Qubtiyah (pakaian buatan Mesir, nipis dan melekat pada anggota) yang tebal dihadiahkan oleh Dihyah Al-Kalbi. Kemudian aku berikan kepada isteriku. Rasulullah SAW bertanya kepadaku: Kenapa kamu tidak memakai Qubtiyah?

Aku berkata: Wahai Rasulullah, aku berikan kepada isteriku. Rasulullah SAW bersabda: Suruhlah dia dijadikan di bawahnya baju, bahawa aku takut ia akan menyifatkan anggotanya. (Riwayat Ahmad)"

Adapun bagi lelaki, memakai baju yang ketat dan jarang adalah makruh baginya sepertimana sabda Rasulullah: "Sesungguhnya lelaki itu berpakaian sedangkan dia bertelanjang iaitu pakaian yang nipis. (Dikeluarkan oleh Al-Tabrani)"

Makruh bermaksud perkara yang diperintahkan untuk dihindari, ataupun ia adalah perkara yang diberi ganjaran bagi yang meninggalkannya dan tidak dikenakan tindakan bagi si pelakunya.

Ini bermakna, walaupun perkara itu makruh, tidak berdos bagi pelakunya tetapi ia tetap tidak diingini oleh syarak.

Sekiranya seseorang lelaki itu memakai pakaian yang jarang serta menampakkan warna kulit auratnya (antara pusat dan lutut), maka perbuatan tersebut adalah terlarang di sisi Islam.

Berpakaian seperti ini sama ada makruh ataupun haram bagi lelaki tetap pakaian yang tidak elok dipandang.

Ia juga bukan pakaian orang yang baik lagi soleh.

MENUTUP aurat dengan sempurna menjadi kewajiban setiap Muslim. – Gambar hiasan

